

# "Memanggil Yesus dalam Keperluan mendesak Kita!"

## Minggu 2 - 100 Hari Doa

**April 3 - 9, 2020**

### “"Bagaimana jika Kita Melihat Dosa? Seperti melihat COVID-19?"

Oleh, Eric Louw

Beberapa minggu yang lalu, saya dan isteri saya jatuh sakit dan kami berfikir ianya disebabkan oleh keracunan makanan dan ditambah dengan demam. Syukurlah, selepas 36 jam melawan demam, saya pulih. Demam isteri saya, bagaimanapun, tidak hilang. Dia mengalami batuk kering dan sakit badan.

Selepas beberapa hari, kami menghubungi nombor pemeriksaan COVID-19 Spectrum Health dan menetapkan temujanji untuk ujian saringan seterusnya. Kami menyatakan tanda-tanda penyakitnya dan diberitahu bahawa, dia mempunyai semua gejala yang hampir sama, kecuali jika dia telah bersentuhan dengan pembawa yang diagnosis COVID-19, dia tidak akan layak untuk ujian apa-apa. Datang untuk ujian hanya membuang masa.

Beberapa hari kemudian isteri saya, masih bergelut dengan demam, batuk yang berterusan. Ini mencetuskan refleks dengan sangat teruk sehingga dia mula batuk disertai dengan muntah dan tidak dapat berhenti selama kira-kira dua jam. Kami membawanya ke bilik kecemasan dan berkongsi semua perkara di atas dengan doktor. Mereka memberinya ubat-ubatan, yang mana membantu mengawal keadaan.

Saya sekali lagi bertanya tentang kemungkinan menguji isteri saya untuk COVID-19, memandangkan dia bekerja dengan banyak orang yang datang dari berbagai tempat di dunia dan kami baru-baru ini keluar negara untuk menghadiri persidangan besar. Doktor itu berkongsi bahawa walaupun isteri saya mengalami gejala, ujian hanya dapat dilakukan sekiranya isteri saya mempunyai kontak rapat dengan pembawa yang diagnosis COVID-19. Ketika para doktor berkongsi ini dengan kami, saya menyedari bahawa terdapat kekurangan peralatan, atau pegawai perubatan sedang menunggu penyakit ini merebak dengan berleluasa kepada masyarakat barulah ianya diperhatikan secara serius.

Selepas perbincangan lebih lanjut, doktor akhirnya memberitahu kami bahawa isteri saya akan diuji untuk kemungkinan penyakit yang lain terlebih dahulu. Sekiranya keputusan tersebut kembali negatif, ujian kedua akan segera dihantar ke jabatan kesihatan tempatan untuk ujian pada COVID-19, dan kami akan mendapat keputusannya dalam masa beberapa hari. Dalam pada itu, kami diarahkan pulang ke rumah dan tetap tinggal di rumah, yang mana kami lakukan.

Apabila ujian awal untuk penyakit yang lain diputuskan NEGATIF pada hari pertama, saya memberitahu kepada setiap kumpulan orang yang mempunyai kontak rapat dengan saya, agar mereka bersedia untuk segala kemungkinan. Ini mengakibatkan banyak orang yang dikuarantin.

Tidak mahu merisaukan orang lain, saya memutuskan untuk menghubungi hospital bagi mendapatkan hasil ujian daripada saringan ujian kedua isteri saya telah dikemukakan untuk ujian COVID-19. Kakitangan di sana tidak tahu di mana ia dihantar. Saya menelefon dari satu tempat ke tempat yang lain akan tetapi kami tidak mendapatkan maklumat yang berguna. Ia mengambil masa beberapa hari sebelum akhirnya saya berhubung dengan Ahli Epidemiologi dan hanya untuk mengetahui bahawa mereka tidak merancang untuk menghantar saringan ujian itu sama sekali. Ketika saya menjelaskan keadaan lebih lanjut dan berapa banyak orang yang dikuarantin dan menunggu hasil keputusan, dengan itu ianya menyatakan akan mendapatkan keputusan saringan ujian untuk COVID-19 sekurang-kurangnya pada hari Selasa.

Selasa datang dan pergi. Tiada keputusan. Rabu datang dan pergi. Tiada keputusan. Sementara itu isteri saya kembali ke bilik kecemasan kerana dia masih lagi batuk. Khamis datang dan kebanyakannya pergi. Tiada keputusan. Selepas siasatan, kami mendapati bahawa terdapat beratus-ratus sampel yang masih menunggu, mungkin keadaan yang serupa dengan kami sendiri. Akhirnya Khamis pukul 7:30 malam, hampir 12 hari daripada kuarantin awal, hasilnya kembali. NEGATIF! kami begitu lega, satu pengalaman yang pahit!

Dalam banyak cara, pengalaman kami mengingatkan kita kepada "virus" yang pertama untuk menjangkiti dunia ini. Sama seperti COVID-19, dosa tidak kelihatan membawa maut apabila ia mula-mula ditemui di syurga. Dosa bahkan tidak kelihatan berbahaya ketika tiba di bumi, "dikuarantin" di satu pokok. Tetapi apabila dosa mulai menyebar dari ular kepada Hawa kepada Adam dan keturunan mereka, ia dengan cepat berkembang menjadi sesuatu yang sepenuhnya tidak dapat dikawal.

Malangnya, berbeza dengan sambutan dunia terhadap COVID-19, kebanyakan kita **tidak** terlalu prihatin tentang penyebaran dosa. Kita tidak terlalu bimbang untuk menguji kehidupan kita melalui Firman Allah dan melihat hati kita. Kami melihat simptom - mementingkan diri, kemarahan, kebanggaan - meresap ke dalam segala yang kita lakukan. Tetapi kita mengabaikan gejala tersebut. kita menikmati dosa, kita bermain dengannya, kita bergurau mengenainya, apa sahaja perkara akan tetapi bolehkah kita membasuhnya dari kehidupan kita walaupun dengan berbagai cara.

Bagaimana jika kita melakukan perkara yang berbeza? Bagaimana jika kita menganggap dosa sebagai COVID-19?

Mazmur 139: 23-24 mendorong kita untuk menyerahkan diri kepada ujian diagnostic peribadi. "Selidikilah aku, ya Allah, dan kenali hatiku, ujilah aku dan kenali pikiran-pikiranku. Dan, lihatlah jika ada jalanku yang mendukung, dan pimpin aku pada jalan kekekalan." Tuhan mengharapkan kita untuk mengetahui keadaan sebenar kita dan mencari penyembuhan rohani. HatiNya ingin kita dibersihkan dan disucikan. Kita semua berada di bawah kuarantin, di bumi ini, tetapi suatu hari nanti kuarantin ini akan berakhir dan Yesus akan datang untuk membawa kita ke rumah. Apabila Dia kembali, siapakah kita diantara kita yang telah bersedia?

*Eric Louw adalah pendeta dengan KonfrensTexas, yang kini dalam usahanya menamatkan MDiv di Andrews University, Berrien Springs, Michigan. Dia dan isterinya, Esther, telah berkahwin selama tiga tahun dan dengan penuh harapan menunggu kelahiran anak pertama mereka pada bulan September!*

**PERTANYAAN HATI:** Adakah kita bersedia mengizinkan Tuhan untuk mencari hati kita dan membersihkan kita dari virus berbahaya dosa? Bagaimana jika itu bermakna meminta maaf dari seseorang yang telah dilukai oleh dosa kita?

**CABARAN TANTANGAN HATI:** Minggu ini, ketika kita terus berdoa untuk perlindungan dan penyembuhan fizikal kita, mari kita secara aktif berdoa untuk penyembuhan rohani kita. Dan mari kita mengambil langkah untuk menjangkau orang-orang di sekeliling kita-untuk meminta pengampunan, untuk mencari rekonsiliasi, untuk berkongsi kasih Tuhan! Mari kita tidak mengukur dosa (besar atau kecil) lagi, tetapi mintalah kepada Tuhan untuk membantu kita menjalankannya dengan segala kekuatan kita. Semasa kita berdoa, katakanlah 1 Yoh1:9 dan Yesaya 1:18.

*"Ramai yang akan merasa dengan kejahatan dari beberapa pelanggaran yang besar yang akan membawa kepada dosa di dalam perkara-perkara kecil kerana akibat yang tidak masuk akal. Tetapi dosa-dosa kecil ini meluputkan kebahagiaan dalam jiwa." The Faith I Live By, p. 92*

**Melangkah lebih dalam - Cadangan Bacaan Tambahan untuk minggu ini:**

- Ellen White, *Steps to Christ*, chapters 2-3
- "Removing the Spiritual Breaches" – See attached PDF from [www.revivalandreform.org](http://www.revivalandreform.org)